



20 MAR, 2023

329 penjaga premis judi ditahan

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

329 penjaga premis judi ditahan

Op Dadu yang dijalankan sejak Januari 2023 itu melibatkan 324 premis

Oleh **SHAHRIZAL AHMAD ZAINI**
JOHOR BAHRU

Polis Johor menyerbu 324 premis dan menahan seramai 334 individu dalam Op Dadu yang dijalankan mulai 1 Januari hingga 18 Mac 2023.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, kesemua individu yang ditahan melibatkan 329 penjaga premis perjudian, manakala lima lagi merupakan pelanggan yang berusia dalam lingkungan antara 17 hingga 60 tahun.

"Polis turut merampas 355 unit telefon bimbit pelbagai je-

nama, tablet (tujuh unit), komputer riba (empat unit) dan wang tunai berjumlah RM49,435 dalam OP berkenaan.

"Selain itu, sebanyak 34 premis juga telah berdepan dengan tindakan pemotongan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) manakala empat premis dipohon untuk pembatalan lesen manakala 13 premis telah mendapat kelulusan pembatalan lesen daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Secara keseluruhannya, kesemua premis ini mengaburi pihak polis dengan menjadikan kedai-kedai menjual telefon dan tambah nilai di sebalik menjalankan kegiatan perjudian dalam talian," katanya menerusi kenyataan media pada Ahad.

Beliau berkata, bagi 2022, sebanyak 1,003 serbuan telah dilancarkan dengan 1,080 jumlah tangkapan dibuat melibatkan 1012 penjaga premis dan 68 pemain berusia dalam lingkungan 17 hingga 60 tahun.

"Pada masa sama, polis turut



Antara premis yang diserbu dalam OP Dadu oleh Polis Johor.

merampas 1,145 unit telefon bimbit pelbagai jenama, tablet (17 unit), mesin PHK (44 unit) dan wang tunai berjumlah RM202,044," katanya.

Jelas beliau, sebanyak 71 premis telah mendapat kelulusan dan diambil tindakan pemotongan bekalan elektrik oleh pihak

TNB daripada 133 permohonan manakala sebanyak 37 premis dipohon untuk pembatalan lesen dan sebanyak enam premis mendapat kelulusan pembatalan lesen daripada pihak PBT.

"Kejayaan operasi ini sebahagian besarnya adalah hasil risikan yang dijalankan oleh pihak

Polis Johor dan sebahagiannya lagi adalah daripada aduan dan maklumat orang ramai.

"Justeru, sekiranya terdapat sebarang kegiatan perjudian atas talian, salurkan maklumat kepada balai polis berhampiran atau bilik gerakan polis Johor di talian **07-2212 999** atau **07-2554 677**.